

20 NOV 1997

Sarawak-usul

DEWAN SARAWAK LULUSKAN USUL PERCAYA KEPADA MAHATHIR

KUCHING, 20 Nov (Bernama) -- Dewan Undangan Negeri Sarawak hari ini meluluskan dengan sebulat suara usul menyatakan sokongan berterusan terhadap kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Usul itu yang dibentangkan oleh Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud juga menyatakan bantahan terhadap draf resolusi 34 anggota Kongres Amerika Syarikat yang mahu Dr Mahathir meminta maaf atau meletak jawatan kerana membuat kenyataan anti Yahudi dan percubaan negara itu untuk menyiasat Petronas berhubung dengan satu projek Gas di Iran.

Timbalan Ketua Menteri yang juga presiden Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) Datuk Dr George Chan, Timbalan ketua pemuda Parti Pesaka Bumiputra Bersatu (PBB) Awang Tengah Ali Hasan, Ketua Pemuda Parti Bangsa Dayak Sarawak (PBDS) Joseph Entulu, Ketua pemuda SUPP Lee Kim Shin dan presiden kelab Penyokong Kerajaan Sarawak Datuk Effendi Norwawi, mewakili Barisan Nasional (BN) dalam debat menyokong usul itu.

Pengerusi DAP negeri Wong Sing Nang dan satu-satunya wakil bebas Dewan, Keding Wan, juga mengambil bahagian dalam perdebatan.

Ketika membentangkan usul itu Taib berkata tindakan anggota-anggota Kongres AS itu ialah satu campur tangan yang angkuh dalam urusan dalaman negara dan kepimpinan yang dipilih secara demokratik dan ini tidak boleh diterima.

Katanya tindakan itu ialah satu percubaan yang tidak kena pada tempatnya untuk memperkecil kedaulatan dan kewibawaan Malaysia.

"Hubungan dua hala antara kerajaan dan rakyat Malaysia dan kerajaan dan rakyat AS telah menghasilkan faedah bersama dan ini perlu dikekalkan melalui saling hormat menghormati," katanya.

Dr Chan berkata usul itu ditujukan kepada pihak-pihak di AS yang mahu menghancurkan hubungan baik antara kedua-dua negara dengan menyalahgunakan kuasa mereka sebagai anggota Kongres.

Rakyat Malaysia sepatutnya berterima kasih dengan kepimpinan negara yang diketuai oleh Dr Mahathir kerana keamanan, kemajuan dan harmoni yang wujud di negara ini sekarang, katanya.

Wong Sing Nang berkata DAP menyokong Perdana Menteri dalam isu ini kerana AS atau mana-mana negara barat tidak mempunyai hak untuk campur tangan dalam urusan dalaman Malaysia dengan memaksa perubahan politik yang mereka suka. -- BERNAMA

CJ WAT